

19 AUG 2003

Mahathir-PAS

MANIFESTO BERBEZA PAS UNTUK PANCING UNDI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pendekatan PAS menyediakan dua manifesto pilihan raya yang berbeza bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang hanya bertujuan menipu rakyat dan memancing undi.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia, pastinya "tidak bodoh" sebaliknya mereka bijak menilai tujuan PAS melaksanakan pendekatan manifesto berbeza di peringkat negeri dan pusat.

"Nak tipu orang Kelantan dan Terengganu, dia janji nak buat negara Islam. Di peringkat pusat, dia kata tak nak (wujudkan negara Islam dan laksana hukum hudud)...nak pancing undi orang bukan Islam.

"Trick (helah) itu saya ingat orang Malaysia tidak bodoh, dia tahulah apa tujuan (PAS buat sedemikian)," katanya pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini sekembalinya ke tanah air selepas melakukan lawatan ke Algeria dan Syria serta Swaziland.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas perubahan pendirian PAS yang dilaporkan akan menggugurkan konsep negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud dalam pilihan raya umum akan datang bagi mengelak perpecahan besar di kalangan pakatan parti pembangkang.

Kepada soalan sama ada manifesto berbeza PAS itu menunjukkan bahawa Malaysia sememangnya sudah menjadi negara Islam, Perdana Menteri berkata seluruh dunia khususnya negara Islam telah mengakui bahawa Malaysia bukan sahaja negara Islam tetapi juga sebagai contoh negara Islam yang ingin mereka ikuti.

"Semua bercakap macam itu, bukan sahaja Presiden Dr Bashar Al-Assad tetapi juga Presiden Abdelaziz Bouteflika tetapi juga ahli perniagaan, pegawai kanan kerajaan dan menteri di kedua-dua negara.

"Mereka kata inilah negara Islam yang mereka ingin contohi dan ingin mendapat banyak maklumat daripada kita tentang cara mana kita dapat bangunkan negara sedangkan dunia berkata negara Islam tak mungkin (maju dan berjaya) tetapi kita buktikan bahawa negara Islam mempunyai kebolehan untuk mencapai kemajuan tanpa membelakangkan agama," katanya.

-- BERNAMA

HS NER AHH MAI